



كردان نكره قك بزاز الامن

**KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN**  
PEJABAT KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN  
NEGERI KEDAH DARUL AMAN  
ARAS 3, BLOK E, WISMA DARUL AMAN  
05503 ALOR SETAR, KEDAH DARUL AMAN

Telefon : 04 - 702 7795  
Faks : 04 - 702 7720  
(Bhg. Kewangan)  
: 04 - 702 7722  
(Bhg. Perbendaharaan)  
Laman Web : ppnk.kedah.gov.my  
E-mel : pkpkn@kedah.gov.my

**كردان سحر**  
**KEDAH SEJAHTERA**  
NIKMAT UNTUK SEMUA

Ruj. Kam : PPNK.BN 400/3/15 (20)  
Tarikh : 10 Zulkaedah 1442  
21 Jun 2021

**SEMUA PEGAWAI PENGAWAL / KETUA JABATAN  
NEGERI KEDAH DARUL AMAN**

YB Dato' Paduka/YB Dato'/YAA Dato'/YBhg Dato'/Tuan/Puan

**PELAKSANAAN POTONGAN SUMBANGAN PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM NEGERI  
KEDAH, ANGGOTA PENTADBIRAN DAN YB AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI MELALUI  
POTONGAN ELAUN DALAM MENDEPANI PANDEMIK COVID-19.**

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan, bagi melaksanakan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan berkaitan perkara di atas, Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Kedah akan melaksanakan potongan gaji bagi sumbangan pegawai perkhidmatan awam Negeri Kedah, anggota pentadbiran dan YB Ahli Dewan Undangan Negeri seperti berikut;

KATEGORI	GRED JAWATAN	KADAR POTONGAN	BULAN POTONGAN
Penjawat Awam	Jusa A	50% daripada ITK	Julai, Ogos dan September
	Jusa B	20% daripada ITK	
	Jusa C	10% daripada ITK	
	44 sehingga 56	5% daripada ITK	
	29 sehingga 41	RM10 daripada ITKA	
Anggota pentadbiran dan YB Ahli Dewan Undangan Negeri	TB	50% daripada jumlah gaji	Julai dan Ogos

*ITK = Imbuhan Tetap Keraian*                      *ITKA = Imbuhan Tetap Khidmat Awam*

3. Untuk makluman YB Dato' Paduka/YB Dato'/YAA Dato'/YBhg Dato'/Tuan/Puan potongan bagi penjawat awam yang dibayar gaji Modul Sistem Gaji iSPEKS akan dilaksanakan secara automatik melalui proses 'scripting' (tanpa perlu melaksanakan perubahan gaji melalui Kew.320). Manakala bagi kakitangan kontrak atau kakitangan yang dibayar gaji melalui baucar berasingan, potongan hendaklah dibuat secara manual semasa penyediaan baucar bayaran bagi bulan-bulan potongan tersebut.

4. Bagi anggota pentadbiran dan YB Ahli Dewan Undangan Negeri, potongan dan pemberhentian potongan hendaklah dilaksanakan melalui perubahan Kew.320 melalui Modul Gaji Sistem iSPEKS oleh jabatan yang berkaitan selepas proses 'scripting' untuk janaan potongan secara automatik selesai. Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri akan memaklumkan kepada unit gaji jabatan berkaitan apabila proses ini dapat dilaksanakan.

PPNK.BN 400/3/15 (20)

5. Untuk makluman YB Dato' Paduka/YB Dato'/YAA Dato'/YBhg Dato'/Tuan/Puan, perubahan gaji lain selain dari sumbangan ini **tidak dibenarkan** dan **ditangguhkan ke gaji bulan Ogos 2021**. Walau bagaimanapun, proses mengeluarkan maklumat gaji yang melibatkan **kematian dan bersara** boleh dilaksanakan sepertimana biasa.

6. Sekiranya pihak YB Dato' Paduka/YB Dato'/YAA Dato'/YBhg Dato'/Tuan/Puan, mempunyai sebarang kemusykilan berkaitan pelaksanaan potongan sumbangan ini, pihak YB Dato' Paduka/YB Dato'/YAA Dato'/YBhg Dato'/Tuan/Puan boleh menghubungi Unit Gaji, Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Kedah.

Kerjasama dan perhatian YB Dato' Paduka/YB Dato'/YAA Dato'/YBhg Dato'/Tuan/Puan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih,

**“PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“KEDAH SEJAHTERA –NIKMAT UNTUK SEMUA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(ABDUL MAJID BIN SALLEH, C.A.(M))**

Bendahari Negeri

b.p. Pegawai Kewangan Negeri

Kedah Darul Aman